

Abdullah setuju KWSP kurangkan caruman pekerja lebih 55 tahun

um -8/5/2007

KUALA LUMPUR 7 Mei - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) tentu mempunyai alasan yang baik untuk mengurangkan kadar caruman bagi pekerja berusia melebihi 55 tahun.

Perdana Menteri berkata, beliau bersetuju dengan keputusan KWSP untuk mengurangkan kadar caruman bagi pekerja dan majikan, masing-masing daripada 11 peratus kepada 5.5 peratus dan 12 peratus kepada enam peratus.

"Saya bersetuju dengan KWSP. Saya fikir tentu ada alasan yang baik kenapa KWSP mahu mengurangkan kadar caruman itu," katanya.

Abdullah yang juga Menteri Kewangan menyatakan demikian kepada pemberita selepas merasmikan Forum Halal Sedunia 2007 di sini hari ini.

Beliau diminta mengulas usaha KWSP meminda kadar caruman seperti yang digariskan dalam Rang Undang-Undang KWSP (Pindaan) 2007.

Ditanya sama ada keputusan tersebut seakan mengabaikan sumbangan pekerja warga emas yang telah banyak berjasa, Perdana Menteri berkata:

"Mereka telah memberikan khidmat, mendapat gaji, menyumbang kepada KWSP dan majikan mereka juga sudah memberi sumbangan."

Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Di Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS) yang mempertikaikan cadangan tersebut dijangka mengadakan pertemuan dengan pengurusan KWSP untuk mendapatkan keterangan lanjut.